

# OUCH!

## DALAM KELUARAN INI...

- Apa yang Perlu di Sandar dan Bila
- Bagaimana Membuat Sandaran
- Pemulihan
- Perkara Utama

## Sandaran & Pemulihan

### Pengenalan

Cepat atau lambat kemungkinan sesuatu akan berlaku pada anda dan kehilangan fail-fail peribadi anda, dokumen atau gambar. Antara contoh adalah dengan tidak sengaja memadam fail yang salah, kegagalan perkakasan, kehilangan kumputer riba atau komputer anda dijangkiti. Pada ketika ini hanya sandaran merupakan langkah yang anda ada untuk membina kembali kehidupan digital anda. Dalam surat berita ini kami akan terangkan apakah itu sandaran, bagaimana anda mahu membuat sandaran dan membangunkan strategi yang sesuai dengan anda.

### Editor Jemputan

Heather Mahalik merupakan seorang pakar forensik yang dikenali di dalam industri, kepakaran beliau tertumpu kepada forensik telefon mudah alih. Beliau merupakan pengarang bersama untuk Practical Mobile Forensics, editor teknikal untuk Learning Android Forensics dan pengarang bersama untuk FOR585 Advanced Smartphone Forensics dan FOR518 Macintosh Forensics untuk SANS Institute. Ikuti Heather di [Smarterforesnics.com](http://Smarterforesnics.com) dan Twitter: [@heathermahalik](https://twitter.com/heathermahalik).

### Apa yang Perlu di Sandarkan dan Bila?

Sandaran merupakan salinan maklumat anda yang di simpan di suatu tempat lain. Apabila anda hilang maklumat yang penting, anda boleh mendapatkan kembali maklumat tersebut dari sandaran anda. Masalahnya kebanyakan orang tidak membuat sandaran, ianya sangat menjengkelkan kerana ianya adalah mudah dan murah. Ada 2 pendekatan untuk memilih apa yang perlu disandarkan: (1) maklumat yang spesifik yang penting kepada anda; atau (2) kesemuanya, termasuk sistem operasi anda. Pendekatan pertama melarutkan sandaran anda dan menjimatkan ruang cakera keras anda, walaupun bagaimanapun pendekatan kedua adalah lebih mudah dan menyeluruh. Jika anda tidak tahu apa yang perlu di sandarkan, kami sarankan anda sandarkan semuanya.

Keputusan kedua anda pula ialah memutuskan seberapa kerap untuk menyandarkan maklumat anda. Pilihan lazim termasuk setiap jam, hari, minggu dan sebagainya. Untuk kegunaan rumah, program sandaran peribadi seperti Apple Time Machine atau Microsoft Windows Backup and Restore membenarkan anda untuk menetapkan secara automatik jadual sandaran. Tetapan ini dengan senyap membuat sandaran terhadap maklumat anda sepanjang hari semasa anda membuat kerja atau jauh dari komputer anda. Penyelesaian lain menawarkan “perlindungan berterusan” iaitu dengan menyandarkan serta-merta fail baru atau yang telah diubah-suai sebaik sahaja ianya di tutup. Kami menyarankan paling kurang anda melakukannya sehari sekali. Namun semuanya terletak kepada anda: “berapa banyak maklumat yang mampu anda hilang jika anda terpaksa pulihkan daripada sandaran?”

### Bagaimana Membuar Sandaran

Terdapat dua cara untuk anda membuat sandaran kepada maklumat anda: media fizikal atau storan awan. Media fizikal

## Sandaran & Pemulihan

merupakan sebarang jenis peranti seperti DVD, cakera USB, atau cakera keras luaran. Apa sahaja media yang anda pilih, jangan sesekali membuat sandaran kepada peranti yang mempunyai maklumat asal. Masalah dengan media fizikal adalah jika lokasi tersebut mengalami bencana (seperti kebakaran atau kecurian) bukan sahaja anda berkemungkinan kehilangan komputer tersebut malahan sandaran sekali gus. Oleh yang demikian, anda perlu mempunyai perancangan untuk menyimpan salinan sandaran di tempat lain yang selamat. Jika anda menyimpannya di tempat lain, pastikan anda melabelkannya dengan apa yang di sandarkan dan bila. Untuk keselamatan tambahan, sulitkan sandaran anda.

Penyelesaian menggunakan awan adalah berbeza, perkhidmatan ini menyimpan fail anda di suatu tempat di internet. Bergantung kepada berapa banyak maklumat yang mahu anda sandarkan, ini mungkin merupakan perkhidmatan berbayar. Ia berfungsi dengan memasang suatu program pada komputer anda yang menyandarkan fail secara automatik untuk anda. Kelebihan menggunakan penyelesaian

ini adalah memandangkan sandaran anda disimpan di awan, jika sebarang bencana berlaku di rumah anda, sandaran anda masih selamat. Sebagai tambahan anda boleh mencapai sandaran atau fail-fail individu, dari mana-mana, walaupun semasa perjalanan. Kelemahan sandaran (dan pemulihan) dalam awan menjadi lebih lambat, terutamanya jika anda mempunyai maklumat yang sangat besar. Jika anda tidak pasti pilihan sandaran manakah yang terbaik untuk anda (media fizikal atau awan) sentiasa ingat yang anda boleh memilih kedua-duanya.

Akhirnya, jangan lupakan peranti mudah alih anda. Kelebihan dengan peranti mudah alih adalah kebanyakan dari maklumat anda telah pon di simpan di awan, seperti emel, acara kalender atau orang hubungan. Walaubagaimanapun anda mungkin mempunyai maklumat yang tidak di simpan di awan, seperti tetapan aplikasi mudah alih, gambar terkini dan pilihan sistem. Dengan menyandarkan peranti mudah alih anda, bukan sahaja anda menyimpan maklumat ini, tetapi lebih mudah untuk anda membina kembali peranti, seperti apabila anda menaik taraf kepada yang baru. iPhone/iPad sandar secara automatik kepada Apple iCloud. Android atau peranti mudah alih lain bergantung kepada pengeluar atau penyedia perkhidmatan. Dalam sesetengah kes anda mungkin perlu membeli aplikasi mudah alih yang dibina khas untuk sandaran.

### Pemulihan

Sandaran maklumat anda merupakan separuh dari peperangan; anda perlu pastikan anda boleh memulihkannya. Semak setiap bulan jika sandaran anda berfungsi dengan memulihkan satu fail dan menyemak kandungannya. Sebagai tambahan, pastikan anda membuat sandaran penuh sistem sebelum naik taraf utama (seperti berpindah ke komputer atau peranti mudah alih yang baru) atau baik pulih besar (seperti menggantikan cakera keras) dan semak sekiranya ia boleh di pulihkan.



*Automatik, sandaran yang boleh dipercayai selalunya merupakan pertahanan terakhir anda dalam melindungi maklumat anda.*

## Sandaran & Pemulihan

### Perkara Utama

- Automasikan sandaran anda sebanyak mana mungkin dan semak secara berkala.
- Apabila membina semula sistem secara menyeluruh dari sandaran, pastikan anda melaksanakan semula tampalan keselamatan yang terkini dan kemas kini semula sebelum anda menggunakannya.
- Sandaran yang ketinggalan zaman dan lapuk boleh menjadi liabiliti, dan sepatutnya dimusnahkan untuk menghalangnya dari di capai oleh pengguna yang tidak di benarkan.
- Jika anda menggunakan penyelesaian awan, selidik polisi dan reputasi penyedia dan pastikan mereka mencapai permintaan anda. Sebagai contoh, adakah mereka menyulitkan maklumat anda semasa ianya disimpan? Siapa yang mempunyai capaian kepada sandaran anda? Adakah mereka menyokong pengesahan yang kukuh seperti penentusahan dua langkah.

### Mari Belajar Lebih Lanjut!

Langganilah surat berita bulanan berkenaan Kesedaran Keselamatan Untuk Pengguna Komputer OUCH!, akseslah arkib OUCH!, dan belajar lebih lanjut mengenai penyelesaian kesedaran keselamatan SANS dengan melayari laman sesawang kami di <http://www.securingthehuman.org>.

### Penterjemahan oleh SNSC.

Pusat Keselamatan Rangkaian SKMM (SKMM Network Security Centre- SNSC) beroperasi di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan matlamat menjamin keselamatan maklumat, kebolehpercayaan dan keutuhan rangkaian di Malaysia. Laman Web: <http://snc.skmm.gov.my/>.

### Sumber

Passphrases:	<a href="http://www.securingthehuman.org/ouch/2015#april2015">http://www.securingthehuman.org/ouch/2015#april2015</a>
Two-step Verification:	<a href="http://www.securingthehuman.org/ouch/2013#august2013">http://www.securingthehuman.org/ouch/2013#august2013</a>
Cloud Security:	<a href="http://www.securingthehuman.org/ouch/2014#september2014">http://www.securingthehuman.org/ouch/2014#september2014</a>
Encryption:	<a href="http://www.securingthehuman.org/ouch/2014#august2014">http://www.securingthehuman.org/ouch/2014#august2014</a>
Tip of the Day:	<a href="http://www.sans.org/tip_of_the_day.php">http://www.sans.org/tip_of_the_day.php</a>

OUCH! diterbitkan oleh program SANS "Securing The Human" dan diedarkan di bawah lesen [Creative Commons BY-NC-ND 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/). Kebenaran diberikan untuk mengedarkan surat berita ini atau menggunakannya dalam mana mana program kesedaran selagi tiada perubahan dibuat kepada kandungan asal.

Editor: Bill Wyman, Walt Scrivens, Phil Hoffman, Bob Rudis  
Translated by: Muhamad Hashimi, Rahayu Aziz, and Sheikh Ahmad Raffie



[securingthehuman.org/blog](http://securingthehuman.org/blog)



[/securethehuman](https://www.facebook.com/securethehuman)



[@securethehuman](https://twitter.com/securethehuman)



[securingthehuman.org/gplus](https://www.securingthehuman.org/gplus)